

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan latar belakang pendidikan, kepakaran serta pengalaman profesional ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas khususnya dalam proses pengendalian bahan radioaktif dan sistem pengurusan sisa radioaktif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 September 2018 bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) bagi menilai pengoperasian kilang Lynas yang meliputi aspek keselamatan, kesihatan manusia serta alam sekitar.

Jawatankuasa Eksekutif diberi tempoh selama enam (6) minggu untuk melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan iaitu bermula 17 Oktober 2018 hingga 27 November 2018 yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- a) mengkaji dan menilai pematuhan Lynas terhadap standard keselamatan, kesihatan serta alam sekitar mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;

- b) mengkaji dan menilai pengurusan sisa radioaktif dan bahan buangan terjadual yang dihasilkan oleh Lynas; dan
- c) mengkaji dan menilai tahap impak terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar bagi setiap aktiviti yang dijalankan di tapak premis Lynas.

Jawatankuasa Eksekutif ini telah dianggotai oleh enam (6) orang ahli pakar di dalam pelbagai yang bidang berkaitan keselamatan, kesihatan awam, perundangan dan alam sekitar seperti berikut:

BIL	ORGANISASI
1	Profesor dan Felo penyelidik Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
2	Mantan Pengarah Bahagian Udara dan Bahan Berbahaya, Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS).
3	Pengarah Provenue Corporation Sdn. Bhd. <i>Visiting Professor</i> di United Nation University – International Institute for Global Health.
4	Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam, Universiti Malaysia Pahang (UMP).
5	Pensyarah Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Perubatan, Universiti Putra Malaysia (UPM).
6	Pengarah Unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Sekian, terima kasih.